

KENYATAAN MEDIA

SEGERA



“PENGOPERASIAN PLAZA TOL DI LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 2 (LPT2) BERMULA PADA 7 JULAI 2015”

1. Lembaga Lebuhraya Malaysia memaklumkan bahawa pengoperasian plaza tol LPT2 akan bermula **7 Julai 2015**. Pengoperasian ini akan melibatkan 10 plaza tol di sepanjang jajaran LPT2. Objektif utama pengoperasian plaza tol LPT2 ini adalah untuk mengelak berlakunya kesesakan di Plaza tol Jabor. Pada masa ini, para pengguna LPT1 yang ingin meneruskan perjalanan ke LPT2 perlu membuat bayaran tol di plaza tol Jabor dan membuat pusingan U untuk ke LPT2. **Mulai 00.01 pagi 7 Julai 2015**, pengguna boleh menikmati perjalanan tanpa henti dari LPT1 ke LPT2 dan hanya perlu membuat bayaran tol untuk keluar dimana-mana plaza tol LPT2.
2. Walaupun begitu kadar bayaran tol adalah berdasarkan kepada jarak perjalanan yang dilakukan di LPT1 sahaja. Sebagai contoh perjalanan dari Karak (LPT1) ke Kuala Terengganu (LPT2) kadar tol yang dikenakan adalah dikira bagi kadar tol dari Karak ke Jabor sahaja berjumlah RM21.00 bagi kelas 1. Begitu juga jika perjalanan dari Cheneh (LPT2) ke Temerloh (LPT1) kadar tol adalah dikira dari Jabor ke Temerloh iaitu berjumlah RM15.30 bagi kelas 1. Kadar bayaran tol adalah seperti dilampirkan.

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2691 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : www.llm.gov.my |  [Lembaga Lebuhraya Malaysia](https://www.facebook.com/lembagalebuhrayamalaysia) |  [@infotrafikllm](https://twitter.com/infotrafikllm)

✉ aduan@llm.gov.my

3. Bagi pengguna yang menggunakan LPT2 tanpa melibatkan perjalanan LPT1, bayaran tol adalah **percuma**. Pengguna hanya perlu mengambil tiket transit dan menyerahkannya di mana-mana plaza tol LPT2 semasa keluar dari lebuh raya. Pengenaan tol percuma ini adalah sehingga satu tarikh yang akan diumumkan kelak.
4. Para pengguna adalah dinasihatkan untuk menyimpan tiket transit dalam keadaan yang baik sepanjang berada di LPT1 dan/atau LPT2 untuk diserahkan kepada jurutol apabila keluar melalui mana-mana Plaza Tol. Sebarang kehilangan tiket transit, pengguna akan dikenakan caj kad hilang dan caj kadar tol terjauh manakala bagi kerosakan tiket transit, pengguna akan dikenakan caj kadar tol terjauh.
5. Pada masa ini Kerajaan dalam proses penyediaan stesen-stesen minyak di kawasan rehat sepanjang LPT2. Oleh itu, pengguna dinasihatkan untuk mengisi penuh minyak sebelum memasuki LPT2. Bagi perjalanan arah ke Kuala Terengganu, pengguna dinasihatkan untuk mengisi minyak secukupnya di stesyen minyak di Kawasan Rehat Temerloh atau Kawasan Rehat Gambang di LPT1.
6. Sebagai panduan, pengguna-pengguna yang menggunakan LPT2 boleh mengisi minyak di stesyen-stesyen minyak yang terdekat di jajaran lebuh raya LPT2 sepertimana berikut:

Susur Keluar/Masuk	Stesyen Minyak	Jarak
Persimpangan Cheneh	Shell Bandar Baru Cheneh	4KM
Persimpangan Kijal	Shell Sri Bandi	5KM
Persimpangan Paka	Petronas Bandar Ketengah	4KM
Persimpangan Bukit Besi	Shell Bukit Besi	3KM
Persimpangan Ajil	Caltex Pekan Ajil	3KM
Persimpangan Kuala Terengganu	Caltex Tepoh	4KM

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2691 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : www.ilm.gov.my | 📘 Lembaga Lebuhraya Malaysia | 🐦 @infotrafikllm |

✉ aduan@ilm.gov.my

7. LPT2 juga menyediakan kemudahan tandas dan surau serta tempat letak kenderaan (parking) di 2 buah Kawasan Rehat iaitu di Perasing dan Ajil (Kedua-dua arah), 2 buah Hentian Sebelah iaitu di Kijal dan Bukit Besi (kedua-dua arah) dan juga di kawasan Plaza-Plaza tol di sepanjang LPT2 bagi kemudahan para pengguna lebuhraya LPT2. Buat masa ini R&R Paka masih belum boleh digunakan oleh orang ramai.
8. Pada masa ini semua gerai di Kawasan Rehat di sepanjang LPT2 belum beroperasi. Walau bagaimanapun pihak LLM telah menyediakan perkhidmatan Mobile Kiosk (Van Penjaja bergerak) di Kawasan Rehat Ajil (kedua-dua arah) dan Hentian Sebelah Bukit Besi (kedua-dua arah) untuk kemudahan kepada pengguna membeli makanan dan minuman.
9. Sekiranya berlaku kecemasan, pengguna LPT2 boleh menggunakan kemudahan telefon kecemasan yang telah disediakan di setiap 2km disepanjang LPT2.
10. Selain daripada menggunakan telefon kecemasan pengguna boleh menghubungi talian HOTLINE LPT2 di talian 019-2676642 / 019-2676742 untuk bantuan peronda LPT2 dan HOTLINE LLM di talian 1-800-88-7752.

Sekian.



Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

6 Julai 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2691 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : www.llm.gov.my |  [Lembaga Lebuhraya Malaysia](https://www.facebook.com/llm.gov.my) |  [@infotrafikllm](https://twitter.com/infotrafikllm)

 aduan@llm.gov.my



**BAYARAN KADAR TOL DI MANA-MANA PLAZA TOL
LEBUH RAYA PANTAI TIMUR FASA 2**


	Plaza Tol Cheneh, Cukai, Kijal, Kertih, Paka, Kuala Dungun, Bukit Besi, Ajil, Telemung Dan Kuala Terengganu				
Plaza Tol Masuk	Bayaran Tol (RM) Mengikut Kelas Kenderaan				
	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4	Kelas 5
Karak	21.00	42.10	63.10	10.50	21.00
Lanchang	18.50	37.00	55.40	9.20	18.50
Temerloh	15.30	30.60	45.80	7.60	15.30
Chenor	13.70	27.40	41.10	6.80	13.70
Maran	9.60	19.20	28.80	4.80	9.60
Sri Jaya	8.00	16.00	24.00	4.00	8.00
Gambang	4.30	8.70	13.00	2.20	4.30
Kuantan	1.70	3.30	5.00	0.80	1.70
Jabor	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2691 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : www.llm.gov.my |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @infotrafikllm |

 aduan@llm.gov.my